

NIOSH puji langkah UMS tingkat keselamatan

BH 8.5.2015 F

Kota Kinabalu: Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) memuji pentadbiran Universiti Malaysia Sabah (UMS), khususnya Jabatan Canselori, yang proaktif meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan organisasi terbabit.

Pengerusi NIOSH, Tan Sri Lee Lam Thye (**gambar**), berkata komitmen Jabatan Canselori UMS terbukti apabila memperoleh pengiktirafan pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bagi OHSAS 18001:2007.


Jabatan itu turut memperoleh pensijilan MS 1722:2011 untuk skop yang merangkumi Pejabat Pentadbiran Canselori, Bahagian Audit Dalam, Pusat

Islam UMS, Jabatan teknologi Maklumat dan Komunikasi, Pusat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta Pusat Pengurusan EcoCampus.

Universiti pertama terima pensijilan

Lam Thye berkata, UMS adalah universiti pertama di Borneo diberikan pensijilan itu sekaligus menunjukkan komitmen tinggi pengurusan UMS terhadap keperluan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) bagi kakitangan, pelajar, kontraktor dan mana-mana pihak yang terbabit.

“Kesungguhan Jabatan Canselori melaksanakan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ini diha-



rap mendorong jabatan dan fakulti lain di UMS untuk turut melaksanakannya.

Perluas skop pensijilan

“Saya harap skop pensijilan ini diperluaskan ke seluruh kampus UMS kerana sistem pe-

ngurusan ini banyak manfaat kepada organisasi dan anggota kerja, selain komuniti setempat seterusnya menyumbang kepada pembangunan negara,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis penyerahan Sijil Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Bangunan Canselori, UMS, semalam.

Yang turut hadir, Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.

Lam Thye berkata, dengan adanya sistem pengurusan itu, Jabatan Canselori dapat membuat pemantauan, penguku- ran dan pengesahan terhadap prestasi OSH mereka secara sistematik dan berkesan.